



Jabatan
KEBAJIKAN
Masyarakat



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

NADIM MALAYSIA
[NATIONAL DISASTER MANAGEMENT ASSOCIATION]
PERSATUAN PENGURUSAN BENCANA KEBANGSAAN

PROGRAM PENGURANGAN RISIKO BENCANA BERASASKAN KOMUNITI (CBDRR 2021)

Program Pemerkasaan Komuniti ke arah Pengukuhan Kesiapsiagaan
dan Daya Tahan Terhadap Risiko Bencana
di Persekitaran Maritim, Kepulauan dan Pandemik COVID-19

29 Mac 2021 @ Pulau Bidong, Terengganu

30 Mac - 01 April 2021 @ Pulau Redang, Terengganu

Anjuran Bersama:-

Disaster Preparedness and Prevention Center (DPPC)
Malaysia-Japan International Institute of Technology (MJIT)
Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
National Disaster Management Agency (NADMA) Prime Minister's Department
Malaysia Civil Defence Force (APM), Prime Minister's Department
Maritime Search and Rescue & Disaster Relief Division,
Malaysian Maritime Enforcement Agency (APMM), Ministry of Home Affairs
Department of Social Welfare (JKM) Malaysia
National Disaster Management Association (NADIM)
Malaysian Amateur Radio Transmitters Society (MARTS)
United Nations Humanitarian Response Depot (UNHRD)
World Food Programme (WFP)



Jabatan
KEBAJIKAN
Masyarakat



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

NADIM MALAYSIA
(NATIONAL DISASTER MANAGEMENT ASSOCIATION)
PERSATUAN PENGURUSAN BENCANA KEBANGSAAN

PROGRAM PENGURANGAN RISIKO BENCANA BERASASKAN KOMUNITI (CBDRR 2021)

Program Pemerkasaan Komuniti ke arah Pengukuhan Kesiapsiagaan
dan Daya Tahan Terhadap Risiko Bencana
di Persekitaran Maritim, Kepulauan dan Pandemik COVID-19

29 Mac 2021 @ Pulau Bidong, Terengganu

30 Mac - 01 April 2021 @ Pulau Redang, Terengganu

Dengan sokongan dan kerjasama:-

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu

Pejabat Daerah Kuala Nerus

Polis Diraja Malaysia

Jabatan Kesihatan Daerah

Jabatan Pelancongan Negeri Terengganu

Pusat Khidmat DUN Batu Rakit

Pejabat Penghulu DUN Batu Rakit

Jawatankuasa pembangunan dan Keselamatan Kampung Pulau Redang

Persatuan-Persatuan Peniaga, Organisasi dan Pihak Berkepentingan

GPS Lands Sdn Bhd & Pharmaniaga Berhad



Jabatan
KEBAJIKAN
Masyarakat



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

NADIM MALAYSIA
(NATIONAL DISASTER MANAGEMENT ASSOCIATION)
PERSATUAN PENGURUSAN BENCANA KEBANGSAAN

PROGRAM PENGURANGAN RISIKO BENCANA BERASASKAN KOMUNITI (CBDRR 2021)

Program Pemerkasaan Komuniti ke arah Pengukuhan Kesiapsiagaan
dan Daya Tahan Terhadap Risiko Bencana
di Persekitaran Maritim, Kepulauan dan Pandemik COVID-19

29 Mac 2021 @ Pulau Bidong, Terengganu

30 Mac – 01 April 2021 @ Pulau Redang, Terengganu

Disediakan oleh:-

Dr. Khamarrul Azahari Razak
Director, Disaster Preparedness and Prevention Center
Malaysia-Japan International Institute of Technology
Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
Email: khamarrul.kl@utm.my
Tel: 019 364 9495

En. Roslan Ghani
Chairman
National Disaster Management Association (NADIM)
Email: pengurusanbencana@gmail.com
Tel: 019 337 8088

PROGRAM PENGURANGAN RISIKO BENCANA BERASASKAN KOMUNITI (CBDRR 2021)

Program Pemerkasaan Komuniti ke arah Pengukuhan Kesiapsiagaan
dan Daya Tahan Terhadap Risiko Bencana
di Persekitaran Maritim, Kepulauan dan Pandemik COVID-19

29 Mac 2021 @ Pulau Bidong, Terengganu

30 Mac – 01 April 2021 @ Pulau Redang, Terengganu



Laterbelakang

Kerajaan Malaysia telah memberi komitmen terhadap pencapaian sasaran Kerangka Sendai dalam Pengurusan Risiko Bencana 2015-2030 (Sendai Framework for Disaster Risk Reduction 2015-2030) yang diuruselia oleh pihak United Nations Office for Disaster Risk Reduction (UNDRR) menerusi Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), Jabatan Perdana Menteri selaku agensi utama yang juga membuat pelaporan terhadap kemajuan dan pencapaian negara menerusi pemantauan 38 indikator global bagi Kerangka Sendai 2030. NADMA juga adalah sekretariat pengurusan bencana peringkat nasional yang disokong oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) selaku sekretariat bagi jawatankuasa pengurusan bencana di peringkat negeri dan daerah.

Risiko bencana yang berasaskan alam, industri, teknologi dan biologi harus difahami tahap kerapuhannya, diuruskan berasaskan sains dan teknologi moden, dan sebarang keputusan dibuat berdasarkan data dan bukti. Pandemik COVID-19 yang merupakan salah satu jenis bencana berasaskan biologi telah meragut nyawa 2.53 juta penduduk dengan 114 juta kes aktif direkodkan di seluruh dunia. Malaysia yang merekodkan 301 ribu kes positif dengan pelbagai gelombang jangkitan kini dalam fasa pemulihan terperingkat menerusi program imunisasi kebangsaan, program pencegahan berterusan dalam usaha mengekang penularan wabak dan program pemulihan ekonomi negara berdasarkan pelbagai pakej rangsangan ekonomi termasuk sektor pelancongan dan perkhidmatan yang terjejas teruk.

Malaysia yang mempunyai kawasan zon maritim negara seluas 614,000 km², diikuti garisan pantai sepanjang 4,490 km dan 561 pulau dengan 60 peratus penduduknya menetap di persisir pantai adalah terdedah kepada risiko pelbagai bencana susulan pemanasan global, perubahan iklim, perubahan guna tanah yang ekstrim dan aktiviti antropogenik. Juga direkodkan hampir 100,000 kapal melalui Selat Melaka dan Laut China Selatan setiap tahun. Sektor pelancongan di persekitaran maritim menyumbang sebanyak USD 4.4 billion setahun turut terjejas dan terancam. Malah lebih mencabar dengan kemunculan wabak coronavirus.

Bencana berasaskan maritim yang membabitkan golongan rentan dan komuniti berisiko di pulau-pulau harus dinilai tahap risikonya, dipetakan tahap kerapuhannya, dan diterokai bentuk solusi yang lebih kos efektif ke arah pengurangan risiko bencana mendatang, meningkatkan tahap kesiapsiagaan dan daya tahan komuniti, mengukuhkan tadbir urus dan komunikasi risiko, serta mengadaptasikan konsep *build-back-better* pada fasa pemulihan selepas bencana, termasuk aspek kelangsungan perniagaan dan kehidupan yang lebih baik.

Disaster Preparedness and Prevention Center (DPPC), Malaysia-Japan International Institute of Technology (MJIT), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) yang ditubuhkan dengan kerjasama kerajaan Jepun menerusi Japan International Cooperation Agency (JICA) telah melaksanakan pelbagai program berimpak tinggi dalam pembangunan komuniti berdaya tahan bencana, pengukuhan tahap kesiapsiagaan dan pendidikan bencana, membabitkan pelbagai lapisan masyarakat, pihak berkepentingan dan pemegang taruh.

DPPC yang merupakan salah sebuah pusat kecemerlangan yang berdaftar dengan Majlis Sukarelawan NADMA telah bergiat aktif sejak 2015 dalam usaha menterjemahkan penyelidikan kepada praktis, polisi kepada pelaksanaan dalam bidang pengurusan risiko bencana, dan juga memainkan peranan penting dalam membekalkan data-data saintifik menerusi penyelidikan yang berteraskan konsep *transdisciplinary* ke arah menyokong aspirasi kerajaan dalam proses membuat keputusan berasaskan sains, teknologi dan inovasi.

Menyedari ancaman persekitaran maritim yang mencabar, perubahan iklim yang ekstrim dan kemunculan bahaya baru berganda, pihak DPPC bersama Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Persatuan Pengurusan Bencana Kebangsaan (NADIM), Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) dan Kerajaan Negeri Terengganu akan menganjurkan program lawatan kerja, sesi libatsama pihak kepentingan dan kesiapsiagaan komuniti dalam usaha mengalakkan masyarakat terus peka terhadap keselamatan maritim, memainkan peranan utama dalam memutuskan rantai jangkitan, dan pengukuhan daya tahan komuniti terhadap risiko bencana. Program ini turut disokong oleh pelbagai agensi di peringkat persekutuan, negeri, daerah dan pihak berkuasa tempatan ke arah pembentukan program berimpak tinggi dan berdaya mampan ke arah memperkasakan komuniti rentan.

Program CBDRR 2021 ini juga menyokong usaha kerajaan pelaksanaan Kempen Pemerkasaan Komuniti Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) sebagai usaha membendung penularan pandemik dalam kalangan komuniti. Di samping itu, program ini juga berhasrat mengukuhkan Pasukan Tindak Balas Kecemasan (CDERT) APM berasaskan komuniti menerusi aktiviti bersama DPPC, NADIM dan MARTS, program kesedaran APMM mengenai keselamatan maritim dan pengkongsian bencana maritim dan program *maritime logistic supply chain* bersama pihak UNHRD-WFP, program memperingati Vietnamese Boat People (VBP) bersama NADIM, program pembangunan pelan kelangsungan perniagaan bersama persatuan-persatuan peniaga tempatan mengikut kaedah BCP-SME UNDRR. Program ini juga menyokong aspirasi pembangunan konsep Pulau Bidong sebagai "Pulau Warisan Kemanusiaan".

PROGRAM PENGURANGAN RISIKO BENCANA BERASASKAN KOMUNITI (CBDRR 2021)

Program Pemerkasaan Komuniti ke arah Pengukuhan Kesiapsiagaan
dan Daya Tahan Terhadap Risiko Bencana
di Persekitaran Maritim, Kepulauan dan Pandemik COVID-19

30 Mac – 01 April 2021 @ Pulau Redang, Terengganu

Tujuan

Program CBDRR 2021 adalah program berteraskan masyarakat seumpamanya di Malaysia yang dilaksanakan di persekitaran maritim dan kepulauan bertujuan memperkasakan komuniti rentan yang terjejas secara langsung oleh musim tengkujuh, perubahan iklim, cuaca yang ekstrim, malah bertambah parah dengan krisis kesihatan dan pandemik COVID-19.


Program CBDRR 2021 ini disusuli dengan sesi lawatan dan penilaian awal yang bertujuan untuk bersuaikenal dengan ketua-ketua komuniti dan pihak berkuasa tempatan yang menjadi tulang belakang dalam sebarang respon/tindakbalas awal terhadap risiko bencana di peringkat lokal. Pengumpulan input awal akan dijalankan dari komuniti yang berisiko termasuk isu, cabaran dan sebarang bentuk program dan aktiviti dalam pengurangan risiko bencana berasaskan masyarakat di persekitaran maritim dan kepulauan. Program ini juga bertujuan untuk meninjau dan meneliti komitmen, strategi sediaada, kemampuan, dan keupayaan komuniti setempat dalam pembangunan tahap kesiapsiagaan dan daya tahan komuniti termasuk sistem komunikasi setempat dan penyebaran maklumat.

Objektif

- 1) Menerokai potensi pembangunan program komuniti berimpak tinggi dalam pemerkasaan komuniti rentan di persekitaran maritim dan kepulauan;
- 2) Memahami sistem urustadbir organisasi setempat dalam mempertingkatkan tahap kesedaran, kesiapsiagaan dan persiapan komuniti menghadapi risiko bencana;
- 3) Mendapatkan input setempat mengenai cadangan pembangunan modul latihan pengukuhan kesiapsiagaan komuniti menghadapi risiko bencana;
- 4) Menilai tahap daya tahan komuniti menghadapi bencana dan perubahan iklim;
- 5) Meninjau potensi komitmen setempat terhadap pelaksanaan program pemerkasaan komuniti terhadap bencana berasaskan perubahan iklim dan kesihatan;
- 6) Melaksanakan program pengurangan risiko bencana berasaskan komuniti berpandukan sains dan data dengan kerjasama agensi kerajaan, industri, akademik, dan NGO ke arah pembentukan masyarakat yang lebih berdaya tahan.

Program Pemetaan dan Penilaian Risiko Bencana ke arah Menyokong Aspirasi Pembangunan Pulau Bidong sebagai “Pulau Warisan Kemanusiaan”

29 Mac 2021 @ Pulau Bidong, Terengganu



Pulau Bidong adalah sebuah pulau yang terletak di dalam Mukim Pulau Redang, Daerah Kuala Nerus, Negeri Terengganu dengan keluasan 203.00 hektar. Pulau Bidong terkenal dengan sejarahnya sebagai tapak perlindungan Orang Hanyut Vietnam (OHV) oleh kerajaan Malaysia dengan Kerjasama United Nations High Commissioner for Refugee (UNHCR), sejak 08 Ogos 1978. Pada Januari 1979, terdapat 18,000 orang pelarian di pulau ini, dan sehingga Jun 1979, dicatatkan bahawa pulau ini menempatkan 40,000 orang pelarian. Pulau Bidong ditutup sebagai kem pelarian pada 30 Oktober 1991, di mana direkodkan seramai 250,000 pelarian Vietnam pernah menetap di pulau tersebut.

Lembaga Muzium Negeri Terengganu telah diberi tanggungjawab untuk mengendalikan pengurusan dan mengawal selia Pulau Bidong terutama dalam mengurus pembangunan Pulau Bidong dari sudut sejarah dan warisan manusia sejagat. Guna tanah utama adalah didominasi oleh guna tanah hutan yang meliputi kawasan seluas 177.97 hektar (87.67%) daripada keluasan pulau ini. Terdapat lapan (8) zon di atas tapak peninggalan OHV ini dalam usaha mengenalpasti kawasan sumber jaya yang perlu dimanfaatkan ke arah menjadikan destinasi pelancongan negeri, termasuk bekas perkampungan OHV seluas 213,300 m².

Cadangan program aspirasi “Pulau Warisan Kemanusiaan” ini lanjutan dari usaha kerajaan negeri menjenamakan pulau ini sebagai Pulau Memorial Kedamaian yang berbentuk pengekalan artifak peninggalan pelarian Vietnam sebagai tanda peringatan bagi professional keturunan mengenai bahaya peperangan sepertimana termaktub dalam Rancangan Struktur Negeri (RSN) 2005-2020.

Kajian Carrying Capacity Pulau-Pulau Peranginan Negara Semenanjung Malaysia pada tahun 2019 (CCPPN 2019) oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia) merekodkan kesediaan kawasan pembangunan pelancongan adalah 80% (194.26 hektar) dan 20% halangan/berisiko (49.07 hektar) dengan tahap kecerunan bagi kategori kelas I (<15°) dan kelas II (15-25°) seluas 220.20 hektar (90.50%) dan kawasan berkecerunan kelas III dan IV berkeluasan 23.11 hektar (9.4%).

Pulau Bidong dari segi sejarahnya juga adalah laluan perdagangan dan pelayaran di rantau Asia Tenggara, juga terkenal sebagai tempat perlindungan sementara dari ancaman ribut untuk pelayar dan nelayan. Pada tahun 2017-2019, Pulau Bidong merekodkan seramai 11,806 pelancong yang mengunjungi pulau ini dan jangkakan perbelanjaan pengunjung berdasarkan nilai semasa bagi tempoh 20 tahun dijangka mencecahkan RM 6.9 juta. Turut dimaklumkan, ancaman ribut taufan berupaya memberi impak kepada nilai terumbu karang yang dijangka bernilai RM726 juta dengan anggaran keluasan 326.42 hektar terumbu karang di sekitar Pulau Bidong. Malah, nilai semasa estetik terumbu karang Pulau Bidong bagi tempoh 20 tahun dianggarkan bernilai RM8.4 billion.

Program pemetaan, penganalisan dan penilaian risiko bencana berasaskan perubahan iklim seperti ribut taufan, tsunami, fenomena air pasang, kenaikan air laut, hakisan pantai, tanah runtuh, dan juga pandemic (e.g. COVID-19) di kawasan kepulauan dan persekitaran maritim seperti di Pulau Bidong amat diperlukan. Data-data asas dan terperinci bagi penilaian tahap keterancaman dan kerapuhan kawasan Pulau Bidong berasaskan teknologi geospasial yang moden dan sains termaju. Aspek model visualisasi tiga dimensi berkenaan maklumat bahaya, kerapuhan dan risiko memberi input penting kepada pihak pembuat dasar, pihak berkuasa tempatan dan pihak berkepentingan dalam membuat keputusan yang lebih baik dan efektif ke arah pengukuhan daya tahan dan kesiapsiagaan bencana.

Jumlah *Physical Carrying Capacity (PCC)* Pulau Bidong telah dijalankan oleh pihak PLANMalaysia membabitkan parameter fizikal untuk kegunaan aktiviti pelancongan meliputi elemen daratan dan perairan. Nilai PCC semasa bagi daratan sebanyak 8,566 orang sehari dan nilai PCC semasa bagi perairan yang direkodkan 10,785 orang sehari, dengan jumlah PCC semasa keseluruhan (daratan dan perairan) adalah 19,341 orang sehari. Juga dinyatakan oleh kajian CCPPN2019, *Real Carrying Capacity (RCC)* direkodkan 1,361 orang sehari.

Program pemetaan dan penilaian risiko bencana yang bakal dilaksanakan pada 29 Mac 2021 di Pulau Bidong akan membekalkan data-data tambahan yang utama terhadap menyokong aspirasi pembangunan konsep Pulau Warisan Kemanusiaan. Sesi pengkongsian dan diskusi pelbagai pihak pemegang taruh yang diterajui oleh Lembaga Muzium Negeri Terengganu, dan dibantu oleh Persatuan Bulan Sabit Malaysia & Persatuan Pengurusan Bencana Kebangsaan (NADIM) Malaysia. Pihak Disaster Preparedness and Prevention Center (DPPC), Malaysia-Japan International Institute of Technology (MJIIT) Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Kuala Lumpur akan melaksanakan program pemetaan trail menggunakan peralatan geospasial moden dikenali Geoslam ZEB Horizon yang berasaskan teknologi laser secara handheld menerusi program kerjasama universiti-industri.

Hasil pemetaan trail, model 3D dimensi, dan penilaian risiko bencana diharapkan dapat membantu Jawatankuasa Pembangunan Pulau Bidong menerusi pengurusan Lembaga Muzium Negeri Terengganu dan pihak pemegang taruh yang berkenaan. Data-data berkualiti ini dijangka membantu memelihara ekosistem pulau yang sensitif terhadap kesan pembangunan. Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) di bahagian daratan pulau ini meliputi persisiran pantai berpasir, kawasan berhutan (177.97 hektar), kawasan berbukit dan kawasan warisan peninggalan Vietnam (monumen sejarah). Sifat kawasan berhutan yang merujuk kepada kawasan bukit yang mengandungi kepelbagaian biodiversiti flora dan fauna menjadikannya mempunyai sensitif yang tinggi dengan perincian berikut:- Tahap 1 kawasan perlindungan penuh, Tahap 2 kawasan pembangunan terhad, dan Tahap 3 kawasan pembangunan terkawal. Hasil program ini akan menyalurkan input tambahan terhadap memastikan perancangan pembangunan berasaskan risiko setempat di Pulau Bidong.

Hasil pemetaan, penganalisan dan penilaian risiko bencana juga menyokong hasrat membangunkan konsep sistem keselamatan pulau-ke-pulau di antara Pulau Bidong dan Pulau Redang di kala menghadapi bencana berskala besar dan mempunyai impak di luar jangka susulan perubahan iklim yang ekstrim, peningkatan aktiviti di persekitaran maritim serta permintaan sektor industri gas dan minyak di perairan negara.

PROGRAM PENGURANGAN RISIKO BENCANA BERASASKAN KOMUNITI (CBDRR 2021)

Program Pemerksaan Komuniti ke arah Pengukuhan Kesiapsiagaan
dan Daya Tahan Terhadap Risiko Bencana
di Persekitaran Maritim, Kepulauan dan Pandemik COVID-19

30 Mac – 01 April 2021 @ Pulau Redang, Terengganu

Lokasi Program (tentatif)

Pusat Kokurikulum Negeri

Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu

Cawangan Pulau Redang /

@ Dewan Komuniti Kg Baru Pulau Redang



Kandungan Program

Program kesedaran, pengkongsian dan pengurangan risiko bencana berasaskan komuniti (CBDRR) bersama pihak APMM, DPPC, NADIM, APM & Komuniti (Series 1)

Program bersama Pasukan Tindak Balas Kecemasan (CDERT) APM berasaskan komuniti menerusi aktiviti bersama DPPC, NADIM, MARTS, dan komuniti

Program *maritime logistic supply chain* bersama pihak UNHRD-WFP, DPPC, APM & NADIM

Program pelaksanaan Kempen Pemerksaan Komuniti Agen Basmi COVID-19 (ABC-19)

Program pembangunan sistem komunikasi risiko bersama pihak MARTS

Program Penilaian Impak Pandemik COVID-19 dan Bencana berasaskan Perubahan Iklim atas Kelangsungan Perniagaan SME berdasarkan kaedah BCP-SME UNDRR dan Pembangunan Pelan Kelangsungan Perniagaan SME berasaskan sektor pelancongan

Jangkaan Peserta: 100 orang

60 orang (JPKK & Agensi, Komuniti 12 orang setiap kumpulan (Nelayan, Hotel, SME, & Komuniti, Jawatankuasa Pengerak Bersama (SOP COVID-19)

20 orang (urusetia UTM)

20 orang (jemputan luar agensi)

PROGRAM PENGURANGAN RISIKO BENCANA BERASASKAN KOMUNITI (CBDRR 2021)

Program Pemerkasaan Komuniti ke arah Pengukuhan Kesiapsiagaan
dan Daya Tahan Terhadap Risiko Bencana
di Persekitaran Maritim, Kepulauan dan Pandemik COVID-19

29 Mac – 01 April 2021 @ Pulau Bidong & Pulau Redang, Terengganu

Perincian Agenda Program

28 MAC 2021 (AHAD) @ UTM Kuala Lumpur

Perjalanan dari UTM Kuala Lumpur ke Pulau Bidong, Terengganu

#Kumpulan SME & AJK terpilih akan mengadakan kunjungan hormat kepada Pegawai Daerah Kuala Nerus pada 28 Mac 2021 10:00 pagi dan akan bertolak dari UTM Kuala Lumpur ke Terengganu pada 27 Mac 2021 (Sabtu)

29 MAC 2021 (ISNIN) @ Pulau Bidong, Terengganu

09:00 pagi

Perjalanan bot dari Jeti Merang ke Pulau Bidong

10:00 pagi

Sesi Pengkongsian oleh pihak Lembaga Muzium Negeri Terengganu, Persatuan Bulan Sabit Malaysia & Persatuan Pengurusan Bencana Kebangsaan (NADIM) Malaysia

11:30 pagi

Kumpulan A

Program Menyelusuri Jejak Kem Orang Hanyut Vietnam (OHV)

11:30 pagi

Kumpulan B

Kerja-kerja pemetaan trail, pengumpulan data geospasial dan penilaian risiko bencana bagi menyokong inisiatif program “Pulau Warisan Kemanusiaan” (Fasa 1)

13:00 tengahari

Rehat & Solat

02:00 petang

Kerja-kerja pemetaan trail, pengumpulan data geospasial dan penilaian risiko bencana bagi menyokong inisiatif program “Pulau Warisan Kemanusiaan” (Fasa 2)

05:00 petang

Perjalanan bot dari Pulau Bidong ke Pulau Redang, Terengganu

30 MAC 2021 (SELASA) @ Pulau Redang, Terengganu

08:30 pagi Sesi Pendaftaran

- Pendaftaran/Persediaan/Pembahagian 4 kumpulan/ taklimat program
- Minum pagi
- Sudut Pameran

Peserta: JPKK/Agensi/Wakil komuniti/Sekretariat/Penduduk Kampung

09:10 pagi

Talimat Program pelaksanaan Kempen Pemerkasaan Komuniti Agen Basmi COVID-19 (ABC-19)
oleh Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) Malaysia

09:30 pagi MAJLIS PEMBUKAAN PROGRAM CBDRR 2021

Majlis Perasmian & Ucapan
Pengiktirafan “Local Champion Pulau Redang”
Penjenamaan “Program Jenguk Pulau”
Gimik Penyerahan Sistem Komunikasi Kecemasan Pulau Redang

Perasmian oleh:
Y.Bhg Tuan Ahmad Faris bin Abdul Razak
Pegawai Daerah Kuala Nerus, Terengganu
Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah

10:00 pagi FORUM CBDRR 2021

Ahli Panel Jemputan:-

Pejabat Pegawai Daerah (DO)
Polis Diraja Malaysia (PDRM)
Angkatan Pertahanan Awam (APM)
Jabatan Kesihatan Daerah (JKD)
Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)
Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM)

Moderator:

Dr. Khamarrul Azahari Razak
Disaster Preparedness and Prevention Center
Malaysia-Japan International Institute of Technology
Universiti Teknologi Malaysia (UTM)

Roslan Ghani
President, National Disaster Management Association (NADIM)

Jemputan:-
Jawatankuasa Pembangunan dan keselamatan Kampung (JPKK)

Peserta:
Penduduk Kampung, Wakil-wakil persatuan/pengusaha
bot/Chalet/Agensi2/Koperasi dll

#Program Cabutan Bertuah

11:30 PROGRAM PENGKONGSIAN MAKLUMAT BENCANA PULAU

Ketua Fasilitator:
Azura Ibrahim,
National Consultant,
United Nations Humanitarian Depot Response (UNHDR)

Empat (4) Kumpulan Komuniti/Agensi

Fasilitator:
Datin Azura Ibrahim (K1: Hotel/Chalet)
En. Ahmad Fairuz Mohd Yusof (K2: SME/Kelangsungan Perniagaan)
En Norazam Ab Samah (K3: Nelayan, pengusaha bot)
Dr. Rashidi (K4: Komuniti)

#Program Cabutan Bertuah

12:30 Taklimat Pematuhan SOP COVID-19 Semasa Bencana (Pusat Pemindahan dan Pengurusan Makanan)

Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Malaysia

13:00 Makan Tengahari / Solat

14:30 Pendaftaran Program

PROGRAM DEMONSTRASI RADIO KOMUNIKASI KECEMASAN

@ Dewan Komuniti Kg Baru Pulau Redang

Latihan/demonstrasi penggunaan Radio
– MARTS/APM/APMM diketuai En. Zanirul/Tuan Azmi

Peserta:
Wakil Komuniti/persatuan/ketua kumpulan/agensi/
terbuka kepada yang berminat

15:30 Latihan Penggunaan Radio Komunikasi (mengikut kumpulan)

#Program Cabutan Bertuah

16:00 Recce untuk Program Jengok Pulau (mengikut kumpulan)

Ketua Fasilitator: En Norazam Ab Samah

31 MAC 2021 (RABU)

Sesi Taklimat diadakan

08:00 – 11:00 PROGRAM JENGOK PULAU

- Pendaftaran & minum pagi
- Sesi Refleksi: En Roslan Ghani, NADIM
- Sesi taklimat Program - En Norazam Ab Samah
- Peserta bergerak mengikut 4 kumpulan – SME/APM
- Bahagi kepada 4 lokasi berlainan – APM/Ketua kumpulan
- Semua wakil agensi
- Komunikasi – MARTS
- Pengangkutan – JPKK/APM
- Keselamatan/First Aid – APMM/APM

11:00-13:00 PROGRAM PEMBANGUNAN PELAN TINDAKAN KECEMASAN KOMUNITI

Ketua Fasilitator: En. Mohd Adzhar Mujaib & En Saifulliza bin Azmi

- Peserta: 4 Kumpulan membuat pembentangan

13:00-14:30 Makan Tengahari / Solat

14:30-15:30 Majlis Penyerahan Wang Ehsan oleh Pejabat Daerah & APM

16:00 Minum petang dan bersurai

20:00 – 22:00 PROGRAM LIBATSAMA MASYARAKAT & MAJLIS KERAIAN (JAMUAN) SESI PENILAIAN & PEMBANGUNAN PELAN KELANGSUNGAN PERNIAGAAN SME

#Program Cabutan Bertuah

Bersama JPKK, Persatuan Pengusaha Bot-Bot Pelancong, Persatuan Pengusaha Chalet/Homestay, dan Komuniti
Program Penilaian dan Kelangsungan Pelan SME
Majlis Keraian & Libatsama Komuniti

01 April 2021 (KHAMIS)

10:00 – 12:00 tengahari

PROGRAM PENUTUP BERSAMA JAWATANKUASA PEMBANGUNAN KESELAMATAN KAMPUNG (JPKK) KAUALA NERUS, TERENGGANU

#Sesi Penilaian (post-mortem) program CBDR2021

#Sesi Refleksi dan Cadangan Perancangan CBDRR Pulau Redang 2030

#Ucapan Penutup:-

Disaster Preparedness and Prevention Center (DPPC)
Malaysia-Japan Internasional Institute of Technology (MJIT)
Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Kuala Lumpur

National Disaster Management Association (NADIM)

Jawatankuasa Pembangunan Keselamatan Kampung (JPKK) Kuala Nerus

#Majlis Penyerahan Sijil Penyertaan & Pengiktirafan

PROGRAM CBDRR 2021 TAMAT

.....
3.30 petang - Pergerakan Bot ke Jeti Merang



Kumpulan sasaran:-

1) Komuniti industri Pelancongan Pulau Redang Pengusaha boat, nelayan, pusat penginapan, homestay, indusri pelancongan, 2) Peniaga2 kecil/ SME, 3) Komuniti Setempat, 4) Pengurusan sekolah, 5) Wakil2 Penduduk, Belia, Wanita, Masjid, OKU

Sebarang pertanyaan lanjut, boleh berhubung dengan kami:-

Dr. Khamarrul Azahari Razak
Director, Disaster Preparedness and Prevention Center
Malaysia-Japan International Institute of Technology
Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
Email: khamarrul.kl@utm.my, Tel: 019 364 9495

En. Roslan Ghani
Chairman
National Disaster Management Association (NADIM)
Email: pengurusanbencana@gmail.com, Tel: 019 337 8088

PROGRAM PENGURANGAN RISIKO BENCANA BERASASKAN KOMUNITI (CBDRR 2021)



Jabatan
KEBAJIKAN
Masyarakat



NADIM MALAYSIA
[NATIONAL DISASTER MANAGEMENT ASSOCIATION]
PERSATUAN PENGURUSAN BENCANA KEBANGSAAN